

Proton diminta perjelas jual M.V. Agusta 1 Euro

um-4/1/2006

Saudara Pengarang,

SEBAGAI orang yang bertanggungjawab ke atas pembelian pengeluaran motosikal Itali, Meccanica Verghera Agusta (M.V. Agusta), kami, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff, berpendapat bahawa Proton perlu menjelaskan kepada semua pemegang saham Proton dan juga kepada masyarakat umum mengapa sebuah syarikat yang dibeli dengan harga 70 juta Euro (RM315 juta) dijual dengan harga satu Euro (RM4.50).

Penjualan tersebut sudah tentu menyebabkan Proton rugi RM315 juta, kurang RM4.50. Sekalipun Proton bebas daripada beban menampung kerugian yang ditanggung M.V. Agusta selama 15 bulan sebanyak 26.87 juta Euro (RM131 juta), Proton tetap rugi berdasarkan jumlah pembelian sebanyak 70 juta Euro (RM315 juta) dan jualan sebanyak satu Euro. Kini Proton tidak lagi berpeluang untuk memulihkan syarikat tersebut bagi mendapat pulangan ke atas pembeliannya, mahu pun untuk mendapat keuntungan. Tentu sekali Proton tidak akan mendapat akses kepada kepakaran teknologi kejuruteraan M.V. Agusta.

Proton mengambil alih M.V. Agusta dengan kesedaran penuh bahawa syarikat tersebut mempunyai hutang sebanyak 232 juta Euro yang tidak perlu dibayar bagi tempoh tiga tahun. M.V. Agusta mempunyai aset di dalam bentuk dua kilang pengeluaran (di Cassinetta dan Morazzone) dan stok motosikal.

Di samping itu M.V. Agusta memiliki tiga jenama motosikal - Agusta, Cagiva dan Husq-

varna. M.V. Agusta F4 1000 Tamburini diiktiraf motosikal sport yang terbaik di dunia. Kesemua jenama tersebut mempunyai nilai yang tinggi.

Teknologi enjin motosikal dan enjin kecil M.V. Agusta juga diiktiraf sebagai yang terunggul di dalam industri.

Syarikat automotif yang mengalami kerugian seperti Rolls Royce, Bentley, Skoda, Lamborghini, Aston Martin dan lain-lain lagi telah dibeli syarikat yang berkemampuan dan telah berjaya dipulihkan. Tetapi nilainya ditentukan oleh aset serta jenama tersebut. Sejauh mana yang kita tahu, tidak ada satu pun daripada syarikat tersebut dijual dengan harga satu Euro.

Persoalannya mampukah Proton memulihkan M.V. Agusta? Sebelum ini Proton untung. Kilang di Tanjung Malim berjumlah RM1.8 bilion dibangunkan dengan sumber kewangan tersendiri - tidak ada hutang mahu pun suntikan modal kerajaan. Selepas membangunkan kemudahan ini, Proton masih lagi mempunyai tunai sebanyak RM2 bilion. Proton merupakan syarikat yang untung dan sudah semestinya mempunyai pengetahuan di dalam mengurus syarikat untuk membawa keuntungan.

Kerugian Proton baru-baru ini dikatakan kerana peruntukan yang dibuat untuk hutang M.V. Agusta. Tetapi menjawab soalan pemberita, seorang pengurus Proton (Datuk Maruan Mohd. Said, Ketua Pegawai Eksekutif Proton Edar) mengakui bahawa diskaun (promosi jualan semua model kereta Proton) yang diberi Proton telah memberi kesan ke-

pada keuntungan Proton. Malangnya tiada angka yang diberikan. Jangkaannya, sejumlah 54,000 kereta dijual dalam tiga bulan dengan potongan dan diskaun yang besar diberikan termasuk pendaftaran percuma, insurans percuma, bayaran ansuran percuma untuk tiga bulan pertama dan servis percuma. Secara kasar diskaun yang diberikan untuk setiap kereta adalah sebanyak RM2,000. Jika RM2,000 untuk sejumlah 54,000 unit kereta, maka Proton kehilangan sebanyak RM108 juta. Peningkatan jumlah jualan tidak mungkin dapat menampung jumlah kehilangan tersebut.

Angka ini yang menggambarkan kegagalan strategi tidak dimaklumkan. Sebaliknya kerugian dikatakan berpunca daripada peruntukan untung hutang M.V. Agusta. Apabila peruntukan dibuat untuk hutang lapuk, tidak bermakna yang hutang tersebut tidak boleh diperolehi semula. Di samping itu bagaimanakah jumlah tersebut ditentukan? Sebaliknya hutang M.V. Agusta telah dibekukan dan pembayaran tidak perlu dilakukan secara serta merta. Semasa Proton menjual M.V. Agusta dengan harga satu Euro, adakah jumlah peruntukan itu dibayar untuk mengurangkan jumlah hutang M.V. Agusta ataupun adakah ia masih lagi berada di tangan Proton?

Yang pasti masih banyak soalan yang perlu dijawab berhubung penjualan satu Euro sebuah syarikat yang telah dibeli dengan harga 70 juta Euro.

● Siapakah yang menawar untuk membeli atau siapakah menawar untuk menjual dengan

harga satu Euro?

● Adakah terdapat pihak lain yang juga berminat untuk membeli?

● Adakah terdapat usaha untuk mempengaruhi pembeli membayar harga yang lebih tinggi?

● Adakah penjualan M.V. Agusta diumumkan?

● Jika tidak, adakah Proton hanya berurusan dengan satu pihak yang membida?

● Jika terdapat bida dari pihak lain adakah mereka ini ditolak?

● Siapakah yang membuat keputusan untuk menjual?

● Bolehkah Proton menjelaskan bagaimana penjualan satu kepentingan yang dibeli dengan harga 70 juta Euro dengan harga satu Euro tidak akan menyebabkan kerugian kepada Proton sebagaimana yang didakwa?

Gevi S.p.A. bukanlah satu nama yang terkenal dalam industri automotif. Apakah ia syarikat motosikal, yang yakin bahawa ia mampu memulih M.V. Agusta, sebagaimana yang penjualan oleh Proton menggambarkan bahawa Proton tidak mempunyai kemampuan atau keupayaan untuk memulihkan syarikat tersebut? Dengan tidak perlu membayar 70 juta Euro, Gevi sudah mendapat keuntungan.

Ini adalah soalan-soalan yang perlu dijawab. Sebagai dua orang utama yang terlibat di dalam pembelian M.V. Agusta, kredibiliti serta kejujuran kami menjadi persoalan. Kami ingin mengetahui jawapan yang sebenar. Masyarakat juga mungkin ingin tahu kerana Proton adalah projek nasional. — **DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD dan TENGKU MAHALEEL TENGKU ARIFF.**